

27/04/2003

Red Arrows sertai Lima `03

Wan Jailani Razak

LANGKAWI: Pasukan aerobatik popular Britain, Red Arrows yang menarik diri daripada Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima), dua tahun lalu akan kembali menggegar ruang angkasa Langkawi pada Lima `03, mulai 30 September hingga 3 Oktober ini.

Kemunculan semula antara pasukan aerobatik terbaik dunia itu dengan formasi mendebarkan di udara menggunakan pesawat Hawk dijangka mampu menjadikan Lima `03, pameran dwitahunan terbaik pernah diperkenalkan sejak 1991.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak, berkata Red Arrows sudah mengesahkan penyertaan mereka pada Lima kali ini, juga pasukan aerobatik lain dari luar negara yang tidak kurang hebatnya.

Pada Lima `01, penarikan diri Red Arrows berikutan perkembangan tidak menentu di Asia Barat selepas tragedi 11 September, mengecewakan ramai peminat aerobatik.

Walaupun pihak berkuasa Britain berusaha untuk memasukkan Red Arrows kerana mengetahui pasukan itu mendapat perhatian pada Lima `01, penarikan diri itu gagal dielakkan.

"Bagaimanapun, pada Lima kali ini, saya sudah meminta penganjur supaya meningkatkan promosi di luar negara bagi mencapai sasaran penyertaan antarabangsa dalam acara itu.

"Ini kerana peperangan di Iraq dan wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) akan sedikit sebanyak memberi kesan (kepada persiapan Lima)," katanya yang ditemui selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Langkawi, di sini, petang kelmarin.

Hadir sama, Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian yang juga Ketua Umno Bahagian Langkawi, Datuk Abu Bakar Taib.

Selain Red Arrows, pasukan aerobatik lain yang turut mengesahkan penyertaan mereka ialah dari Amerika Syarikat, Sepanyol, Belanda dan Russia. Sebanyak 64 pesawat juga disahkan akan dipamerkan pada Lima `03.

Red Arrows yang ditubuhkan pada 1965, pada awalnya menggunakan pesawat pelatih Folland Gnat yang berkuasakan enjin Orpheus, sebelum bertukar kepada British Aerospace Hawk mulai musim 1979/1980.

Pasukan itu sudah tiga kali berturut-turut menyertai Lima sejak 1995 sebelum membatalkan penyertaannya pada Lima `01.

Segmen aeroangkasa Lima `03 bertempat di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, Padang Matsirat dianjurkan oleh Le Proton Lima Sdn Bhd manakala bagi segmen maritim di Awana Porto Malai, oleh HW Lima Sdn Bhd.

Najib yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Lima `03 berkata, sehingga kini, sebanyak 360 syarikat pempamer akan mengambil bahagian bagi segmen udara.

Katanya, ini menunjukkan 13,200 meter persegi atau kira-kira 60 peratus daripada 22,000 meter persegi ruang pameran bagi segmen aeroangkasa sudah ditempah.

Beliau berkata, hampir 70 peratus daripada 10,800 meter persegi kawasan pameran untuk komponen maritim sudah ditempah meliputi 15 pentas kebangsaan, lapan pentas korporat serta dua chalet tetamu.

Lima `03 juga akan menjadi pameran terakhir dihadiri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri.

Pada Lima `01, lebih 500 organisasi dan syarikat antarabangsa dari 32 negara mengambil bahagian. Bagaimanapun, penganjur masih ada lima bulan untuk menarik minat lebih banyak penyertaan antarabangsa untuk Lima kali ini.